

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Chong Chieng Jen [Kuching]

TARIKH : 19 Jun 2014 (Khamis)

SOALAN : Tuan Chong Chieng Jen minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah subsidi per ton beras yang dibayarkan kepada BERNAS dalam tahun 2012, 2013 dan 2014 dan apakah jumlah subsidi yang telah dibayarkan oleh Kerajaan dalam tahun itu masing-masing.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Program Subsidi Harga Beras, Kerajaan membayar sebanyak RM750 bagi setiap tan metrik beras subsidi yang dikeluarkan. Angka ini adalah konsisten bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Program ini bertujuan untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah mempunyai pilihan untuk membeli beras pada harga yang murah. Jumlah subsidi yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan di bawah Program Subsidi Harga Beras bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

TAHUN	PERBELANJAAN	
	(RM Juta)	(MT)
2012	488.0	650,666
2013	528.0	704,000
2014	7.3*	9,733.33

*(Data setakat bulan Mei 2014. Prestasi pembayaran yang rendah adalah berpunca daripada kelewatan memuktamadkan perjanjian)

NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap suatu ketetapan Dewan Undangan Negeri Sarawak menyokong peningkatan royalti minyak dan gas untuk Sarawak dari 5 peratus ke 20 peratus. Bilakah tuntutan tersebut akan dilaksanakan.